

Tahap Pengetahuan dan Amalan Guru PASTI di Selangor terhadap Pendekatan Berpusatkan Kanak-kanak

The Level of Knowledge and Practices of PASTI Teachers in Selangor towards the Child-Centered Approach

Mohd Najib Budiman Mohd Judi¹, Aliza Ali^{2*}

¹ Jabatan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Negeri Selangor

² Fakulti Pendidikan, Open University Malaysia

*Corresponding author email: bizbudiman@gmail.com¹, aliza_ali@oum.edu.my²

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 05 Mac 2026
Disemak: 06 April 2026
Diterima: 30 April 2026
Diterbitkan: 21 Mei 2026

KATA KUNCI

Pendekatan berpusatkan
kanak-kanak
prasekolah
guru
pengetahuan
amalan

ABSTRAK - Pendekatan berpusatkan kanak-kanak merupakan satu pendekatan pedagogi yang menekankan penglibatan aktif kanak-kanak, pembelajaran melalui pengalaman, serta mengambil kira keperluan dan minat individu kanak-kanak. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan, tahap amalan serta hubungan antara kedua-duanya dalam kalangan guru PASTI di Selangor, yang berkaitan dengan pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Seramai 127 orang guru prasekolah PASTI di Negeri Selangor telah dipilih sebagai sampel kajian. Data kuantitatif dikumpulkan menggunakan soal selidik. Selain analisis deskriptif, data juga dianalisis secara inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap amalan guru terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Analisis ini dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 27.0 bagi menentukan tahap pengetahuan dan amalan, dan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan berpusatkan kanak-kanak diamalkan secara konsisten dalam kalangan guru PASTI tanpa mengira faktor umur dan kelayakan akademik walaupun terdapat sedikit variasi dalam tahap pengetahuan dan amalan. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan antara tahap pengetahuan dan amalan guru ($r = 0.65$, $p < 0.05$), menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan berpusatkan kanak-kanak, semakin tinggi juga tahap amalan mereka dalam melaksanakan pendekatan tersebut di prasekolah. Kesimpulannya, program latihan dan pembangunan profesional secara berterusan adalah penting untuk memperkukuh pengetahuan serta amalan pedagogi guru terutamanya dalam strategi pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru memainkan peranan penting dalam membentuk amalan pedagogi mereka.

ABSTRACT - The child-centered approach is a pedagogical approach that emphasizes children's active involvement, experiential learning, and consideration of their individual needs and interests. This study aimed to identify the level of knowledge, the level of practice, and the relationship between both among PASTI teachers in Selangor

regarding the child-centered approach. A total of 127 PASTI preschool teachers in Selangor were selected as the study sample, and quantitative data were collected using questionnaires. In addition to descriptive analysis, the data were analyzed inferentially using the Pearson correlation test to determine the relationship between teachers' level of knowledge and level of practice regarding the child-centered approach. The analysis was conducted using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 27.0. The findings showed that the child-centered approach was consistently practiced among PASTI teachers regardless of age and academic qualifications, although slight variations existed in the levels of knowledge and practice. The results also indicated a positive and significant relationship between teachers' level of knowledge and practice ($r = 0.65, p < 0.05$), demonstrating that the higher the teachers' level of knowledge regarding the child-centered approach, the higher their level of practice in implementing the approach in preschool settings. In conclusion, continuous training and professional development programs are essential to strengthen teachers' knowledge and pedagogical practices, particularly in child-centered teaching strategies, as teachers' knowledge plays an important role in shaping their pedagogical practices.

KEYWORDS: *Child-centered approach, preschool, teacher, knowledge practice*

PENGENALAN

Pendekatan berpusatkan kanak-kanak merupakan salah satu pendekatan pedagogi yang semakin diberi penekanan dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana ia menitikberatkan penglibatan aktif kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak bukan sahaja membantu kanak-kanak daripada segi pemahaman, malah pendekatan ini memudahkan kanak-kanak mengingat lebih mudah apa yang dipelajari (Pulene, 2022). Pendekatan ini menekankan pembelajaran melalui pengalaman, penerokaan, interaksi sosial serta mengambil kira minat, keperluan dan tahap perkembangan individu kanak-kanak. Melalui pendekatan ini, kanak-kanak diberi peluang untuk membina pengetahuan mereka sendiri melalui aktiviti yang bermakna dan kontekstual, selaras dengan perkembangan kognitif, sosial dan emosi mereka (Bredenkamp & Copple, 2020). Jadi, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak memberi tumpuan sepenuhnya kepada perkembangan pembelajaran kanak-kanak (Pulene, 2022).

Pendekatan ini juga sejajar dengan teori konstruktivisme yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku apabila individu secara aktif membina pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran dan pengalaman pembelajaran. Mohamed dan Surat (2023) menyatakan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai adalah diperlukan untuk membantu kanak-kanak di prasekolah mahupun tadika. Manakala Piaget (1972) menjelaskan bahawa kanak-kanak membina pemahaman melalui proses asimilasi dan akomodasi apabila mereka berinteraksi dengan dunia sekeliling. Sementara itu, Vygotsky menekankan kepentingan interaksi sosial serta peranan guru sebagai fasilitator dalam membantu kanak-kanak mencapai tahap perkembangan yang lebih tinggi melalui konsep *Zone of Proximal Development* (ZPD) (Piaget, 1972; Vygotsky, 1978). Oleh itu, dalam konteks pendidikan prasekolah, guru berperanan penting dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan penerokaan, komunikasi, kolaborasi dan pembinaan pengetahuan secara aktif.

Di Malaysia, pendidikan prasekolah disediakan melalui pelbagai jenis institusi seperti prasekolah kerajaan, prasekolah swasta dan prasekolah berasaskan komuniti. Salah satu institusi prasekolah yang berkembang pesat ialah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). PASTI merupakan rangkaian institusi prasekolah Islam yang ditubuhkan untuk menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang menekankan perkembangan akademik, sahsiah dan nilai-nilai Islam kepada kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun. Penubuhan PASTI bermula sekitar tahun 1980-an melalui inisiatif organisasi Islam bagi menyediakan pendidikan prasekolah alternatif yang berteraskan nilai-nilai Islam kepada masyarakat. Sehingga kini, rangkaian PASTI telah berkembang secara meluas di seluruh Malaysia dan memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan awal kepada kanak-kanak, khususnya dalam komuniti setempat.

LATAR BELAKANG

Pendidikan awal kanak-kanak turut menyumbang kepada kemenjadian generasi pelapis yang akan membangunkan negara, justeru pengalaman pembelajaran asas yang membentuk masa depan murid yang lebih cerah dan bermakna perlu diberi perhatian bermula di prasekolah (Ahmad & Osman, 2025). Sejak akhir-akhir ini pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia semakin diberi perhatian kerana ia memainkan peranan penting dalam perkembangan awal kanak-kanak. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dan pihak berkepentingan bagi meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah melalui pembangunan kurikulum, latihan guru serta penyediaan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif. Selain itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran di tadika sering berdasarkan permainan, memastikan kanak-kanak belajar secara semula jadi dan menyeronokkan (Ismail et al., 2025).

Kajian lepas menunjukkan tahap pengetahuan guru prasekolah mempengaruhi tempoh pengalaman pengajaran mereka dalam pendidikan awal kanak-kanak. Masnan et al. (2019) mendapati bahawa pengetahuan guru prasekolah semakin bertambah seiring dengan jangka masa pengalaman mereka menceburi bidang pendidikan awal kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti secara khusus tentang tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah dalam institusi tertentu seperti prasekolah berasaskan komuniti masih agak terhad. Oleh itu, kajian yang menumpukan kepada guru prasekolah dalam institusi seperti PASTI adalah penting bagi memahami bagaimana pendekatan pedagogi tersebut dilaksanakan dalam konteks pendidikan prasekolah di Malaysia.

Kurikulum PASTI memberi penekanan kepada pembangunan holistik kanak-kanak melalui penggabungan pembelajaran akademik asas seperti bahasa, matematik dan kemahiran literasi dengan pendidikan agama Islam, akhlak dan pembangunan sahsiah. Dalam pelaksanaan kurikulum ini, guru PASTI memainkan peranan yang sangat penting sebagai pendidik yang membimbing perkembangan kognitif, sosial, emosi dan spiritual kanak-kanak. Dianggarkan terdapat kira-kira 10,000 orang guru PASTI di seluruh Malaysia, yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, tahap pengetahuan dan amalan pedagogi guru menjadi faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran di institusi prasekolah tersebut. Walaupun pendekatan berpusatkan kanak-kanak telah menjadi asas penting dalam pendidikan awal kanak-kanak, pelaksanaannya dalam bilik darjah sering bergantung kepada tahap pengetahuan dan kefahaman guru terhadap pendekatan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang cenderung menggunakan pendekatan berpusatkan guru seperti pengajaran secara langsung, hafalan dan aktiviti yang terlalu dikawal oleh guru. Mohamed Shalikin (2024) melaporkan dalam kajiannya bahawa penerapan pendekatan para guru di dalam mahupun luar negara tidak menunjukkan perbezaan yang terlalu ketara kerana keduanya masih mempraktikkan pendekatan tradisional dan kontemporari dalam proses pengajaran masing-masing.

Selain itu, pengetahuan guru merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pengetahuan yang tidak jelas akan menjejaskan perkembangan kanak-kanak di prasekolah, maka guru perlu sentiasa berilmu bagi mencapai keperluan dalam matlamat pendidikan prasekolah iaitu memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu (Mohamed & Surat, 2023).

Walaupun bagaimanapun, kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak tidak semestinya tinggi dalam semua konteks pendidikan. Terdapat kecenderungan dalam kalangan sesetengah guru untuk menumpukan pengajaran kepada persediaan menghadapi ujian, termasuk mempersiapkan kanak-kanak untuk ke sekolah, yang menimbulkan kebimbangan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran di peringkat awal kanak-kanak menjadi semakin sempit dan berpotensi mengehadkan peluang kanak-kanak memperoleh pengalaman pembelajaran yang menyokong perkembangan potensi mereka secara menyeluruh (Nicholas et al., 2021). Selain itu, masa kanak-kanak di tadika mengambil bahagian dalam aktiviti bermain dan permainan semakin berkurangan manakala masa untuk pengajaran akademik semakin meningkat (Khialdin et al., 2023).

Dapatan kajian Pulene (2022) mendapati bahawa guru kurang merancang dalam menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dan menggunakan beberapa kaedah sahaja. Manakala Halim et al. (2023) yang menjalankan kajian berkenaan kesediaan guru prasekolah dalam pengajaran matematik awal menunjukkan tahap pengetahuan guru mengajar, sikap guru dan kesediaan guru mengajar yang tinggi sementara minat guru mengajar pula adalah sederhana.

Pada masa yang sama, Nordin et. (2022) dalam kajiannya mendapati bahawa para guru memahami kepentingan dan keperluan penggunaan bahan bantu mengajar di dalam menjalankan aktiviti pembelajaran untuk kanak-kanak tadika. Apa yang menjadi permasalahannya adalah keterbatasan idea dalam memilih BBM yang bersesuaian dengan konten pembelajaran. Daripada segi pengetahuan pedagogi dan kompetensi kemahiran, guru yang mengajar kanak-kanak masih mempunyai banyak perkara yang perlu dipelajari, khususnya dalam mengendalikan kanak-kanak kecil, terutamanya dalam aspek mengaitkan kandungan kurikulum dengan keperluan dan pengalaman kanak-kanak, mengintegrasikan kandungan merentas bidang pembelajaran, serta menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang mesra kanak-kanak (Amosun & Kolawole (2015).

Dalam konteks prasekolah PASTI di Malaysia, kajian empirikal yang meneliti secara khusus tahap pengetahuan dan amalan guru terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak masih terhad. Kekurangan kajian ini menunjukkan wujudnya jurang pengetahuan yang perlu diterokai bagi memahami bagaimana pendekatan pedagogi ini dilaksanakan dalam institusi prasekolah berasaskan komuniti seperti PASTI.

Selain pengetahuan, amalan pedagogi guru juga memainkan peranan penting dalam memastikan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam bilik darjah prasekolah. Amalan pedagogi merupakan amalan pengajaran yang dijalankan oleh guru sebelum mengadakan pengajaran dan pembelajaran. (Mohamed & Surat, 2023). Amalan guru merangkumi cara guru merancang aktiviti pembelajaran, berinteraksi dengan kanak-kanak serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan kanak-kanak secara holistik. Guru merupakan komponen penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, jadi setiap amalan dan tingkah laku guru mempengaruhi dan memberi impak yang besar terhadap proses pengajaran (Chew & Ismail, 2020). Selain itu, guru perlu bijak merancang dan menentukan strategi yang sesuai dengan tahap perkembangan murid agar sesi PdP yang dijalankan bermakna kepada kanak-kanak dan mencapai objektif yang dirancang (Chew & Ismail, 2020).

Secara asasnya, kajian ini berasaskan teori konstruktivisme yang menekankan bahawa kanak-kanak membina pengetahuan secara aktif melalui pengalaman, interaksi sosial serta penerokaan dalam persekitaran pembelajaran. Teori konstruktivisme yang dipelopori oleh Piaget dan Vygotsky menekankan bahawa pembelajaran berlaku apabila kanak-kanak terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran yang bermakna dan disokong oleh interaksi dengan guru serta rakan sebaya (Piaget, 1972; Vygotsky, 1978). Vygotsky juga menekankan bahawa kanak-kanak dapat membina pengetahuan dengan lebih baik jika mereka dapat berinteraksi secara sosial dengan individu lain yang lebih berpengalaman dan cekap. Berdasarkan teori ini, kajian ini mengandaikan bahawa tahap pengetahuan guru tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak akan mempengaruhi tahap amalan mereka dalam melaksanakan pendekatan tersebut dalam pengajaran. Oleh itu, dalam kajian ini pengetahuan guru dianggap sebagai faktor yang mempengaruhi amalan pedagogi guru dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam bilik darjah prasekolah.

Jurang Kajian

Walaupun pendekatan berpusatkan kanak-kanak telah lama diiktiraf sebagai pendekatan yang berkesan dalam pendidikan awal kanak-kanak, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada pelaksanaannya dalam konteks prasekolah kerajaan atau institusi swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan. Kajian yang memberi tumpuan khusus kepada institusi prasekolah berasaskan komuniti atau organisasi tertentu seperti Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) masih agak terhad. Selain itu, kebanyakan kajian sedia ada lebih meneliti aspek amalan pedagogi guru secara umum tanpa memfokuskan secara khusus kepada tahap pengetahuan dan amalan guru terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam konteks prasekolah tersebut (Osman, N & Abdul Rani, I.F, 2024).

Tambahan pula, perbezaan latar belakang latihan, pengalaman mengajar serta tahap pendedahan kepada pedagogi pendidikan awal kanak-kanak boleh mempengaruhi kefahaman dan pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak oleh guru prasekolah. Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan kajian yang menilai tahap pengetahuan serta amalan guru dalam melaksanakan pendekatan ini bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang pelaksanaannya dalam konteks institusi prasekolah PASTI. Kekurangan kajian empirikal dalam konteks ini menunjukkan wujudnya jurang pengetahuan yang perlu diterokai bagi menyumbang kepada pembangunan amalan pedagogi yang lebih berkesan dalam pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak, khususnya dalam konteks prasekolah di Malaysia. Pertama, kajian ini dapat memberikan gambaran tentang tahap pengetahuan guru prasekolah PASTI mengenai pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Maklumat ini penting bagi mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap konsep pedagogi yang menyokong pembelajaran aktif dan perkembangan holistik kanak-kanak. Kedua, kajian ini juga dapat mengenal pasti tahap amalan guru dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini boleh membantu pihak pengurusan PASTI serta pihak berkaitan dalam merancang program latihan dan pembangunan profesional yang lebih bersesuaian bagi meningkatkan kompetensi pedagogi guru prasekolah. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada perkembangan literatur dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dengan menyediakan bukti empirikal berkaitan pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam konteks institusi prasekolah berasaskan komuniti di Malaysia. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik, penggubal dasar serta pengamal pendidikan dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dan memastikan pendekatan pedagogi yang digunakan dapat menyokong perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian yang dibincangkan, kajian ini dijalankan dengan objektif berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru prasekolah PASTI di Selangor terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak.
2. Mengetahui tahap amalan guru prasekolah PASTI di Selangor terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak
3. Mengetahui hubungan antara pengetahuan dan amalan guru prasekolah PASTI di Selangor terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah PASTI di Negeri Selangor berkaitan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran prasekolah. Pendekatan tinjauan dipilih kerana ia sesuai untuk mendapatkan maklumat secara sistematik daripada responden berkaitan pengetahuan dan amalan mereka berdasarkan kelayakan akademik dan usia terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Seramai 127 orang guru prasekolah PASTI di Negeri Selangor telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian dibuat bagi mewakili populasi guru PASTI yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah.

Data kajian dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik untuk mengukur tahap pengetahuan dan amalan guru terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Instrumen soal selidik ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan pengetahuan guru tentang konsep pendekatan berpusatkan kanak-kanak serta amalan mereka dalam melaksanakan pendekatan tersebut dalam bilik darjah prasekolah. Data juga dianalisis secara inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dan amalan guru terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Analisis ini dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 27.0

bagi menentukan kekuatan dan arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Nilai pekali korelasi (r) ditafsir berdasarkan tahap kekuatan hubungan iaitu lemah, sederhana atau kuat.


DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis data soal selidik yang dijalankan terhadap guru prasekolah PASTI di Negeri Selangor, dan dilaporkan berdasarkan objektif kajian.

a. Tahap pengetahuan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kelayakan akademik.

Rajah 1 menunjukkan perbandingan skor min tahap pengetahuan guru PASTI terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kelayakan akademik tertinggi. Secara keseluruhannya, graf ini menunjukkan trend peningkatan tahap pengetahuan selari dengan peningkatan kelayakan akademik guru. Guru yang berkelayakan SPM mencatatkan min pengetahuan paling rendah iaitu sekitar 3.85, diikuti oleh guru berkelayakan STPM dengan min sekitar 3.90. Walaupun kedua-dua kumpulan ini mencatatkan nilai yang sedikit lebih rendah berbanding kumpulan lain, tahap pengetahuan mereka masih berada pada tahap yang agak tinggi. Seterusnya, guru yang memiliki kelayakan Diploma menunjukkan peningkatan yang jelas dengan skor min sekitar 4.10. Ini menunjukkan bahawa guru yang mengikuti pendidikan formal dalam bidang yang lebih khusus berkemungkinan memperoleh pendedahan yang lebih mendalam terhadap konsep pedagogi serta pendekatan pengajaran yang sesuai dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Bagi guru yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana, kedua-dua kumpulan ini mencatatkan skor min tertinggi iaitu sekitar 4.20. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung memiliki tahap pengetahuan yang lebih baik mengenai pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Hal ini mungkin disebabkan oleh pendedahan yang lebih mendalam terhadap teori perkembangan kanak-kanak, strategi pedagogi serta pendekatan pengajaran semasa menjalani pengajian di peringkat universiti. Walau bagaimanapun, perbezaan skor min antara kumpulan kelayakan akademik tidak begitu besar kerana semua kumpulan masih mencatatkan tahap pengetahuan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa secara umum guru PASTI mempunyai pemahaman yang baik mengenai pendekatan berpusatkan kanak-kanak, walaupun terdapat sedikit perbezaan berdasarkan tahap kelayakan akademik. Dapatan ini menggambarkan bahawa tahap pendidikan guru boleh mempengaruhi tahap pengetahuan pedagogi mereka, namun faktor lain seperti pengalaman mengajar, latihan dalam perkhidmatan dan sokongan institusi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kompetensi guru dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.




Rajah 1. Tahap pengetahuan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kelayakan akademik.

b. Tahap amalan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan umur

Rajah 2 menunjukkan perbandingan skor min tahap pengetahuan guru PASTI terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kumpulan umur guru. Secara keseluruhannya, dapatan graf menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru meningkat selari dengan peningkatan umur sehingga peringkat pertengahan kerjaya. Guru dalam kumpulan umur 18 hingga 20 tahun mencatatkan skor min terendah iaitu sekitar 3.95, diikuti oleh kumpulan umur 21 hingga 30 tahun dengan skor min sekitar 4.05. Walaupun kedua-dua kumpulan ini menunjukkan skor yang sedikit lebih rendah berbanding kumpulan umur lain, tahap pengetahuan mereka masih berada pada tahap yang tinggi. Kumpulan guru yang berada dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun mencatatkan skor min tertinggi iaitu sekitar 4.20.

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru dalam peringkat pertengahan kerjaya berkemungkinan mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi mengenai pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengalaman mengajar yang lebih luas serta pendedahan yang lebih mendalam terhadap strategi pedagogi sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Bagi kumpulan umur 41 hingga 50 tahun, skor min yang dicatatkan adalah sekitar 4.18, manakala guru dalam kumpulan umur 51 tahun ke atas mencatatkan skor min sekitar 4.15. Walaupun terdapat sedikit penurunan berbanding kumpulan umur 31 hingga 40 tahun, tahap pengetahuan bagi kedua-dua kumpulan ini masih berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar yang panjang juga menyumbang kepada penguasaan pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru prasekolah.

Secara keseluruhannya, perbezaan skor min antara kumpulan umur adalah kecil dan tidak menunjukkan jurang yang ketara. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan berpusatkan kanak-kanak telah difahami secara meluas oleh guru PASTI merentas pelbagai peringkat umur. Walaupun guru yang lebih berusia cenderung menunjukkan skor yang sedikit lebih tinggi, guru yang lebih muda juga mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai pendekatan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa selain faktor umur dan pengalaman, latihan profesional, pendedahan kepada pedagogi pendidikan awal kanak-kanak serta sokongan institusi turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap pengetahuan guru.




Rajah 2. Tahap pengetahuan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan umur

c. Tahap amalan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kelayakan akademik

Rajah 3 menunjukkan perbandingan skor min tahap amalan guru PASTI dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kelayakan akademik tertinggi. Secara keseluruhannya, graf ini menunjukkan bahawa tahap amalan guru berada pada tahap yang tinggi bagi semua kumpulan kelayakan akademik. Guru yang memiliki kelayakan SPM mencatatkan skor min sekitar 4.25, manakala guru berkelayakan STPM mencatatkan skor min sekitar 4.30. Walaupun kedua-dua kumpulan ini mencatatkan nilai yang sedikit lebih rendah berbanding kumpulan lain, tahap amalan mereka masih berada dalam kategori tinggi. Bagi guru yang memiliki kelayakan Diploma, skor min yang dicatatkan adalah sekitar 4.45, menunjukkan peningkatan tahap amalan berbanding guru yang berkelayakan SPM dan STPM. Seterusnya, guru yang memiliki Ijazah Sarjana Muda mencatatkan skor min tertinggi iaitu sekitar 4.48, manakala guru yang memiliki Sarjana mencatatkan skor min sekitar 4.46.

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi cenderung menunjukkan tahap amalan yang sedikit lebih tinggi dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, perbezaan skor min antara kumpulan kelayakan akademik adalah kecil. Hal ini menunjukkan bahawa semua guru, tanpa mengira tahap kelayakan akademik, masih mengamalkan pendekatan berpusatkan kanak-kanak pada tahap yang tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran prasekolah. Dapatan ini juga mencadangkan bahawa selain kelayakan akademik, faktor lain seperti pengalaman mengajar, latihan dalam perkhidmatan serta sokongan pentadbiran turut memainkan peranan penting dalam memastikan guru dapat melaksanakan pendekatan pedagogi ini secara berkesan. Secara keseluruhannya, graf ini menunjukkan bahawa pendekatan berpusatkan kanak-kanak telah diamalkan secara meluas dalam kalangan guru PASTI, walaupun terdapat sedikit perbezaan tahap amalan berdasarkan kelayakan akademik.




Rajah 3. Tahap amalan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kelayakan akademik

d. Tahap amalan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan umur

Rajah 4 menunjukkan perbandingan tahap amalan guru PASTI dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan kumpulan umur guru. Secara keseluruhannya, semua kumpulan umur mencatatkan skor min yang tinggi, iaitu melebihi 4.30 pada skala lima mata. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan berpusatkan kanak-kanak diamalkan secara meluas oleh guru PASTI tanpa mengira faktor umur. Berdasarkan graf tersebut, guru dalam kumpulan umur 18 hingga 20 tahun mencatatkan skor min sekitar 4.30, iaitu yang paling rendah berbanding kumpulan umur lain. Walaupun begitu, nilai ini masih menunjukkan bahawa guru muda juga mengamalkan pendekatan

berpusatkan kanak-kanak pada tahap yang tinggi dalam pengajaran mereka. Seterusnya, guru dalam kumpulan umur 21 hingga 30 tahun mencatatkan skor min sekitar 4.40, menunjukkan peningkatan tahap amalan berbanding kumpulan umur yang lebih muda. Kumpulan guru dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun mencatatkan skor min tertinggi iaitu sekitar 4.48. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru pada peringkat pertengahan kerjaya berkemungkinan mempunyai tahap amalan yang lebih mantap dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengalaman mengajar yang lebih luas, kematangan profesional serta keupayaan untuk mengurus bilik darjah dengan lebih berkesan.

Bagi guru dalam kumpulan umur 41 hingga 50 tahun, skor min yang dicatatkan adalah sekitar 4.46, manakala guru dalam kumpulan umur 51 tahun ke atas mencatatkan skor min sekitar 4.42. Walaupun terdapat sedikit penurunan berbanding kumpulan umur 31–40 tahun, tahap amalan bagi kedua-dua kumpulan ini masih berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar yang panjang turut menyumbang kepada penguasaan amalan pedagogi yang berkesan. Secara keseluruhannya, perbezaan skor min antara kumpulan umur adalah kecil dan tidak menunjukkan jurang yang ketara. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor umur bukanlah penentu utama dalam pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Sebaliknya, faktor lain seperti pengalaman praktikal, latihan profesional, perkongsian amalan terbaik serta sokongan daripada pihak pengurusan institusi turut memainkan peranan penting dalam memastikan pendekatan ini diamalkan secara berkesan dalam kalangan guru prasekolah.



Rajah 4. Tahap amalan guru prasekolah PASTI di Selangor tentang pendekatan berpusatkan kanak-kanak berdasarkan usia

e. Analisis korelasi Pearson antara pengetahuan dan amalan guru prasekolah PASTI di Selangor terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak

Analisis korelasi Pearson yang dijalankan bagi menentukan hubungan antara pengetahuan dan amalan guru terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak dijelaskan di dalam Jadual 1. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut ($r = 0.65$, $p < 0.05$). Nilai pekali korelasi ini menunjukkan hubungan pada tahap sederhana ke kuat. Dapatan menunjukkan bahawa semakin tinggi pengetahuan guru mengenai pendekatan berpusatkan kanak-kanak, semakin tinggi juga amalan mereka dalam melaksanakan pendekatan tersebut dalam bilik darjah prasekolah.

Jadual 1. Hubungan antara pengetahuan dan amalan guru prasekolah PASTI di Selangor terhadap pendekatan berpusatkan kanak-kanak

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	1	2
1. Pengetahuan	4.05	0.30	–	.65*
2. Amalan	4.40	0.25	.65*	–

Nota. $p < .05$, $N = 127$

PERBINCANGAN

Dapatan yang ditunjukkan dalam graf di atas juga boleh dijelaskan melalui perspektif teori konstruktivisme yang menekankan peranan guru sebagai fasilitator dalam membimbing pembelajaran kanak-kanak. Menurut Piaget (1972), kanak-kanak membina pengetahuan melalui interaksi aktif dengan persekitaran serta pengalaman pembelajaran yang bermakna. Dalam hal ini, guru yang mempunyai tahap pengetahuan pedagogi yang lebih tinggi berupaya merancang aktiviti pembelajaran yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka, berfikir dan membina pemahaman mereka sendiri. Sementara itu, Vygotsky (1978) menekankan kepentingan interaksi sosial dan bimbingan guru dalam membantu kanak-kanak mencapai tahap perkembangan yang lebih tinggi melalui konsep *Zone of Proximal Development (ZPD)*. Oleh itu, guru yang mempunyai latar belakang pendidikan yang lebih tinggi berkemungkinan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam terhadap prinsip konstruktivisme dan seterusnya dapat mengaplikasikan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dengan lebih berkesan dalam bilik darjah prasekolah. Dapatan ini juga dapat dijelaskan melalui perspektif teori perkembangan kerjaya Huberman.

Menurut Huberman, kerjaya guru berkembang melalui beberapa fasa, bermula daripada fasa penerokaan dan penyesuaian pada peringkat awal kerjaya kepada fasa kestabilan dan kematangan profesional pada peringkat pertengahan kerjaya. Guru dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun lazimnya berada pada fasa kestabilan profesional, di mana mereka telah mengumpul pengalaman mengajar yang mencukupi serta memiliki keyakinan yang lebih tinggi dalam melaksanakan strategi pengajaran yang berkesan. Hal ini menjelaskan mengapa kumpulan umur tersebut menunjukkan skor min pengetahuan yang lebih tinggi berbanding guru yang lebih muda. Guru yang lebih berpengalaman berpeluang mengasah kemahiran pedagogi mereka serta membina pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan dan keperluan pembelajaran kanak-kanak. Dapatan juga menunjukkan pengetahuan pedagogi yang tinggi dalam kalangan guru berkait rapat dengan keberkesanan pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam bilik darjah prasekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan berpusatkan kanak-kanak telah diamalkan secara konsisten dalam kalangan guru PASTI tanpa mengira faktor umur dan kelayakan akademik. Walaupun terdapat sedikit variasi pada tahap pengetahuan dan amalan, perbezaan tersebut tidak terlalu besar. Analisis korelasi juga menunjukkan bahawa pengetahuan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pedagogi, membuktikan bahawa peningkatan pengetahuan guru boleh memberi kesan langsung kepada peningkatan amalan pedagogi mereka dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan boleh dikemukakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam pendidikan prasekolah PASTI. Untuk menjadikan seorang guru menjadi lebih profesional dan kompeten dalam menjalankan tugas, latihan pembangunan profesional perlu dijalankan secara berterusan (Nordin et al., 2022). Maka, pihak pengurusan PASTI disarankan untuk menyediakan program latihan dan pembangunan profesional secara berterusan kepada guru-guru bagi memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi mereka. Latihan ini boleh memberi tumpuan kepada strategi pembelajaran aktif, pembelajaran berasaskan permainan serta pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, guru-guru yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih rendah boleh diberikan peluang untuk mengikuti kursus atau program peningkatan

kelayakan akademik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Langkah ini dapat membantu meningkatkan kefahaman guru terhadap teori perkembangan kanak-kanak serta pendekatan pengajaran yang lebih berkesan. Melalui perkongsian ilmu dan strategi pengajaran, guru dapat meningkatkan kompetensi mereka dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan kanak-kanak. Akhir sekali, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan melibatkan sampel yang lebih besar serta menggunakan pendekatan penyelidikan yang berbeza, seperti kajian kualitatif atau kaedah campuran. Kajian masa hadapan juga boleh meneliti faktor lain seperti pengalaman mengajar, latihan profesional dan sokongan pentadbiran bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pelaksanaan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dalam pendidikan awal kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abd. Halim, M. I., Mamat, N., & Mohd Radzi, N. M. (2023). Kesediaan mengajar guru prasekolah dalam pengajaran dan pemudahcaraan matematik awal berasaskan STEM: Peranan pengetahuan, minat dan sikap mengajar. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(2), 30–44.
- Ahmad, N., & Osman, Z. (2025). *Kepentingan pengetahuan guru dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 14(1), 1–12.
- Amosun, M. D., & Kolawole, O. A. (2015). Pedagogical knowledge and skill competences of pre-school teachers in Ibadan metropolis, Oyo State, Nigeria. *Journal of the International Society for Teacher Education*, 19(2), 6–14.
- Bredenkamp, S., & Copple, C. (Eds.). (2020). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs serving children from birth through age 8* (4th ed.). National Association for the Education of Young Children.
- Chew, F. P., & Ismail, M. F. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah: The implementation of play approach in teaching and learning of Malay language for preschool students. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.
- Ismail, N. A., Salim, N. J. A., & Harun, S. N. (2025). Amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbuakan awal dalam kalangan guru tadika swasta. *Selangor Humaniora Review*, 9(1), 61-73.
- Jumaren, A., Atan, A., Md Ali, H., Bachok, M. S., & Abu Bakar, N. M. (2025). Analisis faktor penerokaan terhadap amalan pedagogi, persekitaran pembelajaran dan rakan pembelajaran dalam kalangan siswa guru pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 14(2), 35–50.
- Khialdin, S. M., & Mohamed, S. (2023). Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Asuhan Tunas Islam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002298-e002298.
- Masnan, A. H., Anthony, N. E., & Zainudin, N. A. S. (2019). *Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 33–41.
- Mohamed, F., & Surat, S. (2023). Pengetahuan dan Amalan Pengajaran VAK Guru dalam Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002329-e002329.
- Mohamed Shalikin, N. H. (2024). Kepelbagaian pendekatan pengajaran dalam kalangan guru mata pelajaran Al-Lughah Al-'Arabiyah Al-Mu'asirah: *The Diversity of Teaching Approaches Among Teachers of Al- Lughah Al-Arabiyah Al-Mu'asirah Subject at Jeram Secondary Religious School, Selangor*. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(1), 23–33. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.1.3.2024>
- Osman, N., & Abdul Rani, I.F. (2024). Pengetahuan dan Amalan Pelaksanaan Terhadap Kemahiran PAK21 dalam kalangan guru prasekolah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teacher and Teacher Education*, 14 (1), 24-36. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol14.1.4.2024>
- Nordin, N., Ahmad Sabri, M. S., Nurdin, J., Rossli, N. N., & Zulkuple, S. S. (2022). Analisis keperluan latihan pembangunan profesionalisme guru tadika Islam berdasarkan perspektif guru. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 1–8.
- Piaget, J. (1972). *The psychology of the child*. Basic Books.
- Pulene, S. R. A. (2022). Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA Kemas: Satu kajian kualitatif. *Jurnal ILMI*, 12(1), 48-56.
- Nicholas, M., Rouse, E., & Paatsch, L. (2021). Child-centred teaching: Helping each child to reach their full potential. *Education Sciences*, 11(6), 280.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.